



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Akta (Memperbadankan) Daya Pengeluaran Negara 1965

DR.100/1965

RANG UNDANG² (MEMPERBADANKAN) DAYA PENGELUARAN NEGARA

SUSUNAN FASAL²

Fasal

1. Tajok ringkas, tarikh berkuatkuasa dan pemakaian.
 2. Tafsiran.
 3. Penubohan Majlis.
 4. Syarat² perlantekan bagi Pengerusi dan ahli².
 5. Perlantekan Pengarah, pegawai² dan kakitangan Pusat.
 6. Arahan mengenai dasar oleh Menteri.
 7. Kerja² Majlis.
 8. Kuasa meminjam.
 9. Bayaran.
 10. Penubohan Kumpulan-wang.
 11. Kewajipan Majlis memelihara Kumpulan-wang.
 12. Perbelanjaan² hendak-lah di-bayar daripada Kumpulan-wang.
 13. Menyimpan dan melaborkan Kumpulan-wang.
 14. Perbelanjaan dan menyediakan anggaran².
 15. Kira² dan odit.
 16. Penyata tahunan.
 17. Pemakaian Kanun Keseksaan dan kewajipan bagi merahsiakan.
 18. Peratoran².
- Jadual.

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi menubuhkan suatu pertubohan yang di-perbadankan bernama Majlis Daya Pengeluaran Negara dan bagi mengadakan peruntokan² bagi perkara² yang berhubung dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen dan dengan kuasa daripada-nya saperti berikut:

1. (1) Act ini boleh-lah di-namakan Act (Memperbadankan) Daya Pengeluaran Negara, 1965, dan hendak-lah berjalan kuatkuasa-nya pada tarikh yang di-tetapkan oleh Menteri melalui pemberitahu dalam *Warta Kerajaan*, dan tarikh itu tidak-lah boleh lebeh awal daripada tarikh pemberitahu itu di-siarkan.

Tajok ringkas, tarikh berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Act ini hendak-lah di-pakai bagi seluroh Persekutuan.

2. Dalam Act ini, melainkan kandungan ayat-nya meng-hendaki ma'ana yang lain—

Tafsiran.

“Pusat” erti-nya Pusat Daya Pengeluaran Negara yang di-tuboh dan di-selenggarakan di-bawah sekshen 7;

“Majlis” erti-nya Majlis Daya Pengeluaran Negara yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 3 (1);

“Pengarah” atau “Pengarah Pusat” erti-nya Pengarah Pusat yang di-lantek di-bawah sekshen 5;

“Menteri” erti-nya Menteri yang bertanggung-jawab bagi perdagangan dan perusahaan.

3. (1) Ada-lah dengan ini di-tubuhkan suatu pertubohan yang di-perbadankan bernama Majlis Daya Pengeluaran Negara yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meteri dan kuasa bagi memperolehi dan memegang harta yang boleh di-aleh atau yang tak boleh di-aleh dan melepaskan atau dengan jalan lain membuat apa² berkenaan dengan-nya.

Penubohan Majlis.

(2) Peruntokan² dalam Jadual kapada Act ini hendak-lah berkuatkuasa berkenaan dengan Majlis.

(3) Majlis hendak-lah mengandongi ahli² yang berikut:

- (a) sa-orang Pengerusi;
- (b) Pengarah Pusat;
- (c) sa-orang wakil Kementerian Perdagangan dan Perusahaan;
- (d) sa-orang wakil Bahagian Peranchang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri;
- (e) sa-orang wakil Kementerian Buroh;
- (f) sa-orang wakil Perbendaharaan;
- (g) sa-orang wakil Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama;
- (h) sa-orang wakil Universiti Malaya;
- (i) sembilan orang ahli² lain, tidak lebeh daripada tujuh orang daripada-nya hendak-lah mewakili pertubohan² perdagangan, perusahaan² pembuatan, pengwangan perusahaan, pembangunan perusahaan, pengurusan, buroh dan majikan².

(4) Ahli² yang tersebut dalam sekshen-kechil (3), lain daripada Pengarah Pusat, hendak-lah di-lantek oleh Menteri.

(5) Menteri boleh melantek sa-saorang sa-bagai Pengerusi sementara atau ahli lain sementara bagi Majlis sa-masa Pengerusi atau ahli lain itu, mengikut mana yang berkenaan, tidak berdaya bagi sementara kerana sakit atau sa-masa tidak ada di-dalam Persekutuan bagi sementara.

(6) Sa-saorang ahli Majlis, lain daripada Pengarah, hendak-lah, melainkan jika ia berhenti atau di-berhentikan terlebih dahulu, memegang jawatan sa-lama sa-suatu tempoh sa-bagaimana yang di-nyatakan di-dalam surat perlantekan-nya, dan boleh di-lantek sa-mula:

Dengan sharat bahawa sa-saorang ahli, lain daripada Pengerusi atau Pengarah, tidak boleh memegang jawatan sa-lama suatu tempoh lebeh daripada tiga tahun pada sa-suatu masa.

4. (1) Pengerusi Majlis hendak-lah di-lantek atas sharat² sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Menteri.

(2) Ahli² Majlis hendak-lah di-beri bayaran² dan elaun² sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Menteri.

5. (1) Majlis—

- (a) hendak-lah, dengan persetujuan Menteri, melantek sa-orang pegawai kerja yang akan menjadi Pengarah Pusat untok menjalankan apa² kewajipan Pusat sa-bagaimana yang di-wakulkan kapada-nya;
- (b) boleh melantek lain² pegawai dan kakitangan sa-bagaimana yang perlu atas sharat² yang di-fikirkan-nya patut.

Perlantikan
Pengarah,
pegawai²
dan
kakitangan
Pusat.

(2) Majlis boleh, dengan persetujuan Menteri, membuat atoran²—

- (a) bagi atau berkenaan dengan gaji, elaun dan sharat² perkhidmatan bagi pegawai² dan kakitangan-nya 'am-nya;
- (b) berkenaan dengan penubohan dan pengurusan suatu kumpulan-wang simpanan yang di-charum untok Pengarah Pusat dan pegawai² dan kakitangan yang di-lantek di-bawah sekshen ini;
- (c) berkenaan dengan pembayaran penchen, elaun atau ganjaran kapada Pengarah, pegawai² dan kakitangan apabila bersara atau, dengan jalan lain, berhenti memegang jawatan sa-bagai Pengarah, pegawai² atau kakitangan yang sa-demikian itu;
- (d) berkenaan dengan pemberian pinjaman² kapada pegawai² dan kakitangan untok membeli basikal, motosikal dan motokar dan untok apa² maksud lain yang di-luluskan oleh Menteri.

6. Menteri boleh memberi kapada Majlis arahan² yang 'am, yang tidak berlawanan dengan peruntukan² Act ini tentang menjalankan kerja² Majlis; dan arahan² itu hendak-lah mengikati Majlis.

Arahan
mengenai
dasar oleh
Menteri.

7. (1) Majlis hendak-lah menuboh dan menyelenggarakan suatu Pusat bernama Pusat Daya Pengeluaran Negara bagi maksud—

Kerja²
Majlis.

- (a) meninggikan mutu pengurusan termasuk penyeliaan pada segala peringkat dalam perdagangan dan perusahaan di-dalam Persekutuan;
- (b) memperbaiki kecekapan perjalanan, perusahaan, jualan² dan pemasaran dengan memberi perhatian khusus kapada kaedah² menambah daya pengeluaran, memperbaiki mutu keluaran, mengurangkan belanja² dan memberi latehan dan nasihat mengenai perhubungan antara buroh dengan pengurusan;

- (c) mengadakan latehan dan ranchangan² lain yang boleh sa-baik²-nya mengisi kehendak² tertentu dan kehendak² tempatan dan kehendak² negara pada seluroh-nya;
- (d) menerangkan maksud², tujuan² dan usaha² Pusat dan mendapatkan kerjasama daripada kumpulan² majikan dan pekerja;
- (e) menasihatkan, sa-bagaimana kakitangan-nya ber-kelayakan, Menteri dan pertubohan² persendirian, pertubohan² atau orang² persaorangan mengenai perkara² yang meliputi segala segi chara daya pengeluaran;
- (f) berkhidmat sa-bagai suatu forum untuk mem-binchangkan masa'elah² penubohan, pengurusan dan penyeliaan dalam perdagangan dan per-usahaan;
- (g) membuat penyata tahunan kepada Menteri ber-kenaan dengan kemajuan dan masa'elah² mening-gikan daya pengeluaran dalam perdagangan dan perusahaan dalam negara serta membuat shor² mengenai chara bagaimana masa'elah² itu boleh di-uruskan;
- (h) mengada dan menjalankan perkhidmatan² pe-rundingan;
- (i) mengada dan mengekalkan perhubungan² dengan pertubohan² yang sa-rupa atau yang lain baik pertubohan² kebangsaan mahu pun antarabangsa; dan
- (j) membuat apa² jua perkara sa-bagaimana yang bersangkutan dengan atau yang terbit daripada penjalanan kerja² di-bawah Act ini.

(2) Majlis boleh dengan persetujuan Menteri mengubah nama Pusat.

Kuasa meminjam.

8. Majlis boleh, mengikut sharat² yang di-luluskan oleh Menteri Kewangan, meminjam apa² wang sa-bagaimana yang di-kehendaki-nya bagi menjalankan mana² kerja-nya di-bawah Act ini.

Bayaran.

9. Majlis boleh mengenakan apa² bayaran sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut bagi kursus² latehan, sharahan², perundingan² atau penyiasatan² atau lain² perkhidmatan yang di-ada atau di-jalankan oleh Pusat.

10. (1) Bagi maksud Act ini maka ada-lah dengan ini ditubuhkan suatu Kumpulan-wang Pusat Daya Pengeluaran Negara (kemudian daripada ini di-sebut sa-bagai “Kumpulan-wang”) dan di-kelolai oleh Majlis.

Penubuhan
Kumpulan-
wang.

(2) Kumpulan-wang hendak-lah mengandongi—

- (a) apa² wang sa-bagaimana yang di-peruntokkan dari sa-masa ka-semasa bagi maksud² Majlis oleh Parlimen;
- (b) apa² wang sa-bagaimana yang di-peruntokkan dari sa-masa ka-semasa kepada Majlis daripada kumpulan-wang pinjaman;
- (c) segala wang yang dari sa-masa ka-semasa di-terima oleh atau kena di-bayar kepada Majlis sa-bagai pembayaran balek mana² pinjaman yang di-beri oleh Majlis kepada pegawai² dan kakitangan-nya mengikut atoran² yang di-buat di-bawah sekshen 5 (2) (d) dan faedah² yang kena di-bayar berkenaan dengan mana² pinjaman itu;
- (d) wang² yang di-dapati daripada perjalanan apa² projek, ranchangan atau usaha yang di-biaya² daripada Kumpulan-wang dan apa² bayaran yang di-terima oleh Majlis menurut kuasa sekshen 9;
- (e) wang² yang di-dapati atau yang terbit daripada apa² harta, pelaboran, gadaijanji, gadaian atau *debenture* yang di-perolehi oleh atau yang terletak di-tangan Majlis;
- (f) apa² harta, pelaboran, gadaijanji, gadaian atau *debenture* yang di-perolehi oleh atau yang terletak di-tangan Majlis;
- (g) wang² yang di-pinjam oleh Majlis bagi maksud menyempurnakan apa² tanggongannya atau menunaikan apa² kewajipannya;
- (h) apa² hadiah atau derma sukarela kepada Majlis atau kepada Pusat; dan
- (i) segala wang atau harta lain yang mungkin dengan apa chara jua pun kena di-bayar kepada atau terletak di-tangan Majlis berkenaan dengan apa² perkara yang bersangkutan dengan kuasa² dan kewajipan²-nya.

(3) Dalam sekshen ini perkataan “kumpulan-wang pinjaman” erti-nya apa² wang sa-bagaimana yang di-dapati dari sa-masa ka-semasa oleh Kerajaan dengan jalan pinjaman.

Kewajipan
Majlis
memelihara
Kumpulan-
wang.

11. Ada-lah menjadi kewajipan Majlis bagi memelihara kumpulan-wang dengan menjalan dan menyempurnakan kerja² dan kewajipan²-nya di-bawah Act ini supaya jumlah hasil Majlis menchukupi untok membayar segala wang yang sah kena di-bayar daripada kira² hasil-nya.

Perbe-
lanjaan²
hendak-lah
di-bayar
daripada
Kumpulan-
wang.

12. Terta'alok kapada sekshen 11 Majlis boleh menggunakan Kumpulan-wang—

- (a) bagi membayar apa² perbelanjaan yang sah di-sisi undang² tertanggung oleh-nya, dan bayaran² kapada mana² pegawai atau kakitangan yang bekerja dengan Majlis, termasuk elaun berhenti kerja kerana tua, penchen atau ganjaran;
- (b) bagi membayar apa² bayaran yang di-kenakan ka-atas apa² jumlah wang yang di-peruntokkan kapada Majlis daripada kumpulan-wang pinjaman;
- (c) bagi memberi pinjaman kapada pegawai² dan kakitangan Majlis bagi maksud membeli basikal, motosikal dan motokar dan bagi lain² maksud yang di-luluskan oleh Menteri;
- (d) bagi membayar apa² lain perbelanjaan atau belanja yang sah tertanggung atau di-aku² oleh-nya pada menjalankan kuasa² yang di-beri kapada Majlis oleh Act ini.

Menyimpan
dan
melaborkan
Kumpulan-
wang.
62 tahun
1958.

13. Kumpulan-wang boleh-lah di-simpan dengan sa-buah bank di-dalam Persekutuan yang ada memegang lesen yang sah menurut peruntokan² Ordinance Bank, 1958, atau pun di-laborkan dalam chagaran² Kerajaan Persekutuan atau dalam apa² chagaran lain sa-bagaimana yang di-luluskan dengan bertulis oleh Menteri Kewangan.

Perbelanjaan
dan
menyediakan
anggaran².

14. (1) Perbelanjaan² Pusat hendak-lah di-bayar daripada wang dalam Kumpulan-wang mengikut anggaran sa-bagaimana yang di-benarkan oleh sekshen-kechil (2).

(2) Sa-belum permulaan bulan September tiap² tahun Majlis hendak-lah mengemukakan kapada Menteri suatu anggaran hasil dan perbelanjaan (termasuk hasil dan perbelanjaan bagi projek² pembangunan) bagi tahun hadapan-nya mengikut bentok dan mengandongi butir² sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Menteri; dan Menteri hendak-lah, sa-belum permulaan bulan November tiap² tahun memberi tahu kapada Majlis jumlah wang yang di-benarkan bagi perbelanjaan pada 'am-nya atau jumlah² wang yang di-benarkan bagi tiap² satu jenis perbelanjaan.

(3) Majlis boleh, pada bila² masa, mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran tambahan bagi mana² satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana² bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang ada di-masokkan di-dalam-nya.

15. (1) Majlis hendak-lah menyimpan kira² yang betul dan lain² rekod berkenaan dengan perjalanan-nya dan hendak-lah menyediakan kenyataan kira² berkenaan dengan tiap² tahun kewangan.

Kira² dan
odit.

(2) Kira² Majlis hendak-lah di-odit tiap² tahun oleh Juru Odit Negara atau oleh juru odit lain yang di-lantek oleh Majlis dengan persetujuan Menteri.

(3) Sa-lepas penghujong tiap² tahun kewangan, dan sa-telah sahaja kira² Majlis di-odit, Majlis hendak-lah menyebabkan supaya suatu salinan kenyataan kira² itu di-hantarkan kepada Menteri bersama dengan suatu salinan apa² jua perhatian yang telah di-buat oleh Juru Odit Negara atau oleh juru odit lain yang di-lantek di-bawah sekshen-kechil (2) atas apa² kenyataan atau atas kira² Majlis.

(4) Menteri hendak-lah menyebabkan supaya suatu salinan tiap² kenyataan dan perhatian itu di-bentangkan di-dalam kedua² Majlis Parlimen.

16. (1) Majlis hendak-lah, tidak lewat daripada 31 hari-bulan Mach tiap² tahun, menyebabkan supaya di-buat dan di-hantarkan kepada Menteri suatu penyata berkenaan dengan usaha² Majlis dalam masa tahun yang lalu dan mengandongi apa² ma'alumat berhubung dengan perjalanan dan dasar Majlis sa-bagaimana yang di-kehendaki dari sa-masa ka-semasa oleh Menteri.

Penyata
tahunan.

(2) Menteri hendak-lah menyebabkan supaya suatu salinan tiap² penyata itu di-bentangkan di-dalam kedua² Majlis Parlimen.

17. (1) Semua ahli Majlis, dan pegawai² dan kakitangan Pusat, manakala menjalankan kerja² mereka sa-bagai yang demikian itu, hendak-lah di-sifatkan sa-bagai penjawat 'awam dalam erti Kanun Keseksaan.

Pemakaian
Kanun
Keseksaan
dan
kewajipan
bagi
merahsiakan.
N.M.B.
Bab 45.

(2) Kechuali bagi maksud² Act ini atau maksud sa-suatu pembicharaan jenayah di-bawah Act ini, tiada-lah sa-orang ahli Majlis, atau pegawai atau kakitangan Pusat boleh

menyatakan apa² ma'alumat berkenaan dengan mana² satu urusan, yang telah di-dapati oleh-nya dalam masa menjalankan kewajipan²-nya dan yang tidak di-siarkan menurut Act ini; dan sa-saorang yang melanggar peruntukan² sekshen-kechil ini ada-lah melakukan suatu kesalahan dan, apabila di-thabitkan, boleh-lah di-kenakan penjara sa-lama suatu tempoh tidak lebeh daripada enam bulan atau denda tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit atau kedua²-nya.

Peratoran².

18. Menteri boleh membuat apa² peratoran sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya perlu atau berfaedah untok menjalankan dengan lebeh baik maksud² dan peruntukan² Act ini.

JADUAL

(Sekshen 3 (2))

1. (1) Orang² yang berikut ada-lah tidak berkelayakan di-lantek atau menjadi ahli² Majlis—

- (a) sa-saorang yang tidak sempurna 'akal atau, kerana lain sebab, tidak berupaya menjalankan kewajipan²-nya;
- (b) sa-saorang bankrupt;
- (c) sa-saorang yang telah di-thabitkan sa-suatu kesalahan dan di-jatuhkan hukum penjara sa-lama tempoh tidak kurang daripada sa-tahun.

(2) Sa-saorang ahli Majlis ada-lah terhenti menjadi ahli jika ia tidak menghadhiri meshuarat Majlis tiga kali ber-turut² dengan tiada mendapat kebenaran bertulis daripada Menteri atau jika ia menjadi tidak berkelayakan menurut perenggan-kechil (1).

2. (1) Chukupbilang bagi Majlis ia-lah sembilan.

(2) Jika atas apa² soal yang akan di-putuskan oleh Majlis, bilangan undi ada-lah sama banyak-nya maka Pengerusi atau ahli lain yang menjalankan kerja sa-bagai Pengerusi ada-lah berhak memberi undi pemutus.

(3) Terta'alok kapada perenggan-kechil (1) dan (2), Majlis hendak-lah menetapkan peratoran²-nya sendiri.

(4) Meteri Majlis hendak-lah di-sahkan oleh Pengerusi, atau ahli lain yang menjalankan kerja sa-bagai Pengerusi, dan sa-orang lagi ahli Majlis, dan apa² jua suratan yang berupa sa-bagai di-meteri dengan meteri yang tersebut itu dan di-sahkan saperti tersebut hendak-lah, sa-hingga akas-nya di-tunjokkan, di-sifatkan sa-bagai telah di-sempurnakan dengan sah-nya.

3. Sa-saorang ahli Majlis yang ada mempunyai apa² kepentingan dalam mana² sharikat atau usaha yang dengan-nya Majlis berchadang hendak membuat apa² kontrek atau pun yang ada mempunyai apa² kepentingan dalam mana² kontrek itu atau dalam apa² perkara yang sedang di-binchangkan oleh Majlis hendak-lah menyatakan kapada Majlis hal kepentingan-nya itu dan juga jenis kepentingan itu, dan kenyataan itu

hendak-lah di-rekodkan dalam minit meshuarat Majlis, dan ahli itu tidak boleh mengambil apa² bahagian di-dalam apa² perbincangan atau keputusan Majlis berhubung dengan kontrek itu melainkan jika di-benarkan dengan khusus-nya oleh Pengerusi.

HURAIAN

Rang Undang² ini ada-lah bermaksud hendak menubuhkan suatu pertubohan yang di-perbadankan bernama Majlis Daya Pengeluaran Negara untuk menjalankan Pusat Daya Pengeluaran Negara yang telah ada atau yang pada masa ini di-jalankan sa-bagai jabatan Kerajaan.

2. *Fasal 3* mengadakan peruntukan berkenaan dengan penubohan Majlis dan keanggotaan-nya.

Fasal 7 menerangkan tanggung-jawab dan kerja² Majlis.

3. Peruntukan² ada-lah juga di-buat berkenaan dengan perlantekan² dan sharat² jawatan bagi Pengerusi dan ahli² Majlis dan Pengarah Pusat Daya Pengeluaran Negara.

4. Peruntukan² ada-lah juga di-buat mengenai kuasa² meminjam, pelaboran, kewangan, kira² dan odit bagi Majlis.

5. *Fasal 6* memberi kuasa kepada Menteri bagi memberi arahan² kepada Majlis dan *Fasal 18* membolehkan Menteri membuat peratoran² untuk menjalankan maksud² dan peruntukan² Act ini.

[P.N. 3746.]